

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

## HKN 207 – Fiksyen dan Drama Melayu dan Indonesia Modern

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja, **SATU [1]** soalan dari setiap bahagian.

### Bahagian A

1. Bincangkan perkembangan cerpen Melayu dekad-dekad 1950-an dan 1960-an di Malaysia. Perbincangan anda hendaklah tertumpu pada persoalan yang diungkapkan dan teknik penulisan yang digunakan oleh pengarang-pengarang dekad-dekad itu.
2. Novel Indonesia tahun 1920-an dan 1930-an lebih dikenali dengan novel “air mata.” Berdasarkan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan pernyataan ini dengan membuat penekanan pada konflik watak-watak dan persoalan-persoalan yang diutarakan.

### Bahagian B

3. Membaca karya sastera adalah untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, untuk kepentingan rohani, untuk menjadi manusia berbudaya dan untuk menghayati keindahan. Pada pendapat anda sejauhmanakah pembacaan novel **Ranjau Sepanjang Jalan** karya Shahnon Ahmad dapat memenuhi tujuan pembacaan itu?

4. Dalam sesebuah karya fiksyen terdapat unsur-unsur intelek, emosi dan imaginasi. Bincangkan sejauhmanakah unsur-unsur itu dapat dikesan dalam novel **Kroco** karya Putu Wijaya.

### Bahagian C

5. Watak-watak bukan manusia memainkan peranan yang cukup berkesan dalam cerpen “Dialog Pohon-Pohon” karya Mahadzir Syed Omar dan cerpen “Menunggu Ratu Adil” karya Zainuddin Saad sehingga menjadikan cerpen-cerpen tersebut begitu menarik dan persoalan yang hendak dikemukakan begitu jelas. Bincangkan.
6. Cerpen “Dilarang Mencintai Bunga-Bunga” karya Kuntowijoyo dan cerpen “Robohnya Surau Kami” karya A.A. Navis menggunakan plot kronologi tetapi tetap menarik kerana adanya unsur-unsur suspensi dan klimaks serta penggunaan sudut pandangan yang bersesuaian. Bincangkan.

### Bahagian D

7. Drama **Matinya Seorang Pahlawan-Jebat** karya Usman Awang menampilkan seorang watak bernama Jebat yang berjuang menegakkan keadilan dan membela kematian sahabatnya. Dalam perlukisan watak seperti itu pengarangnya banyak menggunakan daya kreatif dan imaginatif sehingga lahirnya seorang watak Jebat yang baru. Bincangkan.
8. Drama **Malam Jahanam** karya Motinggo Busye adalah sebuah drama yang sederhana dari segi tema dan persoalan, watak dan perwatakan, plot dan latar, namun ia tetap menarik. Bahaskan.